



## **PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2014**

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri,

### **PINDAAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN PINJAMAN KENDERAAN BAGI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) KELANTAN**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meminda syarat-syarat pembiayaan pinjaman kenderaan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan.

#### **2. LATARBELAKANG:**

- 2.1 Syarat-syarat pinjaman kenderaan bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan berdasarkan kepada keputusan persidangan-persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 11/2005 pada 1 Jun 2005 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 12/2005 pada 15 Jun 2005 (Pindaan Saraan dan Kemudahan DiBawah Enakmen (Saraan) Anggota – Anggota Pentadbiran dan Ahli-Ahli Dewan Negeri 1980) adalah sebagaimana berikut:-

- (a) Layak memohon pinjaman kereta sehingga maksima RM90,000.00 (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan) dan RM70,000.00 (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan) untuk sekali dalam tempoh satu penggal perkhidmatan.
- (b) Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan bayaran yang sama banyak jumlahnya pada tiap-tiap bulan dalam masa tidak melebihi 84 bulan ( 7 tahun) bagi sebuah kereta yang baru dan 72 bulan ( 6 tahun) bagi kereta yang sudah dipakai atau sebelum habis tempoh satu penggal perkhidmatan.
- (c) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan lain mengenai pinjaman kereta adalah seperti ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan.

3. **PINDAAN SYARAT BARU:**

Melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini, syarat (b) diatas adalah DIPINDA daripada -

- (b) Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan bayaran yang sama banyak jumlahnya pada tiap-tiap bulan dalam masa tidak melebihi 84 bulan bagi sebuah kereta yang baru dan 72 bulan bagi kereta yang sudah dipakai atau sebelum habis tempoh satu penggal perkhidmatan.

**Dipinda kepada;**

- (b) ***Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan bayaran yang sama banyak jumlahnya pada tiap-tiap bulan dalam masa tidak melebihi 84 bulan bagi sebuah kereta yang baru dan 72 bulan bagi kereta yang sudah dipakai, dan;***

**(b)(i) Sekiranya Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan telah genap atau melebihi umur 50 tahun pada tarikh pembubaran penggal perkhidmatan, maka bayaran balik pembiayaan pinjaman bolehlah diambil daripada gaji/elaun atau pencen bulanan yang diterima sehingga tamat tempoh pinjaman sebagaimana di perenggan (b) diatas.**

**(b)(ii) Manakala bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang berumur kurang 50 tahun pada tarikh pembubaran penggal perkhidmatan, maka baki pembiayaan pinjaman pada tiap-tiap satu penggal hendaklah dipotong melalui sebarang ganjaran yang layak diterima pada tempoh pembubaran Dewan Undangan Negeri, dan sekiranya nilai ganjaran yang layak diterima adalah kurang daripada baki pinjaman yang patut dibayar kepada Kerajaan, maka baki beza berkenaan hendaklah dijelaskan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan berkenaan dengan menggunakan mana-mana sumber yang lain dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pembubaran penggal perkhidmatan.**

#### **4. BAYARAN BALIK PINJAMAN BAGI TEMPOR PEMBUBARAN**

4.1 Bayaran balik pembiayaan pinjaman kenderaan bagi tempoh pembubaran hendaklah diambil dari bayaran gaji/elaun bulanan (ADUN yang sedang berkhidmat) atau bayaran pencen bulanan (ADUN yang telah bersara pada umur 50 tahun) yang diterima pada tiap-tiap bulan tanpa melebihi tempoh perjanjian asal atau tempoh 84 bulan bagi sebuah kereta yang baru dan 72 bulan bagi kereta yang sudah dipakai.


**5. TARIKH KUAT KUASA:**

5.1 Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

Sekian, terima kasih.

**“ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJI NIK KAZIM BIN HAJI NIK YUSOFF)**

**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

**KELANTAN.**

Bertarikh : 13 Rabiulawal 1435 H Bersamaan 15 Januari 2014M

Bertarikh : [P.K.N.A.1/9-1/Jld.8 (30)]

Salinan kepada:

Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan